

Selagi Sukarno Menjadi Presiden Indonesia Akan Hancur?

Dalam keluaran yang lalu kami telah janjikan akan memberi sebab-sebab mengapa maka Tengku Muhammad Daud Beureueh mengadakan perlawanan terhadap kerajaan Republik Indonesia sekarang, dan mengisytiharkan kepada dunia pada 20 September 1953 bahawa Aceh telah menjadi sebuah negara bahagian dari negara Islam Indonesia yang berpusat di Jawa Barat, diketuai oleh Imam Kartosuwiryo sebagai kepala negara Islam Indonesia, (yang telah mengisytiharkan negara Islam Indonesia pada 7 Ogos 1949) dan mengadakan perlawanan terhadap kerajaan Indonesia.

(oleh Wakil Khas Kita)

Sebelum pembaca-pembaca dibawa kepada sebab-sebabnya, molek benar rasanya diterangkan asal kejadian itu. Pada bulan April tahun 1953 telah diadakan muktamar alim ulama seluruh Indonesia di mana yang di dalamnya Tengku Muhammad Daud Beureueh dilantik sebagai ketua umumnya. Muktamar itu mengambil keputusan: “Memperjuangkan dalam pemilihan umum yang akan datang supaya negara Republik Indonesia ini menjadi negara Islam Indonesia”

Demikianlah keputusan yang diambil dan wajib diperjuangkan oleh segenap fikiran, tenaga, harta benda dan jika perlu dengan darah, supaya seluruh umat Islam Indonesia terletak di bawah pimpinan ulama-ulamanya dan dapat bersatu dan berjuang untuk meng-Islam-kan Republik Indonesia, yang dasar semmentaranya berpandukan Penca sila. Di dalam mana Sila Pertama mengandungi kata-kata ke-Tuhanan Yang Maha Esa, yang di dalam pengertiannya bukan

Islam, sebab Islam selain daripada meng-Esa-kan Allah *subhānahu wa Ta’ālā*, mengakui pula bahawa Muhammad itu sebagai Rasul-Nya dan hamba-Nya, yang mengajar tunjuk ajar-Nya menjadi panduan hidup tiap-tiap pengikutnya, sama ada peribadi (perseorangan) ataupun kemasyarakatan dan negara.

Sekalian alim ulama dan cerdik pandai yang hadir di dalam Muktamar itu telah membuat baiah bersendiri-sendiri untuk menyampaikan segala keputusan itu walau bagaimana susah dan sukarnya. Kerana itulah sekembalinya dari kongres itu, cerdik pandai dan alim ulama di dalam daerah masing-masing menyampaikan dan mendakwahkan serta menyerukan keputusan-keputusan kongres alim ulama itu, supaya segenap umat Islam mengetahui isi dan bentuk yang boleh dijadikan pedoman manakala dakwah disampaikan kepada mereka. Kepada umat diterangkan bahawa

di dalam pemilihan umum yang akan datang hendaklah tiap-tiap umat Islam memilih Islam sebagai dasar negaranya.

Dengan sadar kepada ketinggian agama Islam, terutama yakin seyakin-yakinnya bahawa agama Islam itu menjamin hidup bahagia di dunia dan akhirat, agama yang tinggi tiada yang lebih tinggi daripadanya di sisi Allah, agama yang wajib ditaati oleh sekalian Muslimin yang beriman kepada Allah dan Rasul-Nya dengan berpedomankan Quran dan sunnah Rasul yang dipelihara, dihormati, diperjuangkan dan dipertahankan dengan apa jalan sekalipun supaya menjadi undang-undang dasar hidup dan wajib pula menjadi dasar bernegara. Keyakinan ini semakin bertambah-tambah lagi apabila dari satu ke satu masa di negeri Indonesia mereka melihat betapa kekafiran umat manusia yang telah mempermain-mainkan dan terus menerus menghina Nabi Muhammad (SAW) sehingga ada yang mengoyak-ngoyak, menginjak-injak, menjadikan bungkusan goreng pisang, dipalsukan, dibakar al-Qur'an yang menjadi pegangan mereka. Tidak begitu sahaja semuanya terjadi, tetapi juga pemerintah Indonesia telah pernah dengan tegas melarang supaya ayat-ayat Allah itu jangan dibaca di radio Republik Indonesia di Jakarta, mencoret ayat-ayat dan hadis-hadis yang diimankan oleh umat Islam Indonesia dengan dikatakan oleh mereka mengganggu keamanan dan kesejahteraan umum.

Mereka melihat bahawa kepala-kepala negara tidak silu-silunya melakukan perbuatan-perbuatan yang bukan sahaja curang kepada negara, tetapi juga curang kepada serba-serbinya, bahkan kepala-kepala negara itu menjadi orang pemakan suap dan seumpamanya yang merugikan kedudukan negara.

Setelah rancangan-rancangan pemilihan umum dari satu ke satu masa ditangguh-tangguhkan oleh pemerintah dengan berbagai dalih, tetapi diketahui oleh umat Islam

Indonesia bahawa dalih-dalih itu tidak lain dan tidak bukan hanya semata-mata menunggu saat lemahnya kedudukan umat Islam Indonesia untuk menghadapi pemilihan umum itu.

Dengan suatu cara yang “bijak” Presiden Sukarno telah melantik suatu Jemaah Menteri Ali Arifin, di dalam mana selama Jemaah menteri itu berkuasa dengan disokong oleh nasihat ulama, banyaklah perkara-perkara tipu daya dilakukan untuk menguatkan kedudukan Parti Presiden sendiri, supaya Presiden tetap diagung-agungkan sebagai Ketua Negara, yang telah dari satu penjuru ke satu penjuru—dari Amuntai, Sulawesi, dan lain-lain tempat membidas orang-orang yang mengagung-agungkan kemahuan umat Islam yang menghendaki negaranya berdasarkan negara Islam.

Selain itu kecurangan di dalam pucuk pimpinan semakin hari semakin bertambah, dan langkah yang merugikan negara dan rakyat semakin menjadi-jadi. Pemimpin-pemimpin yang baharu menjadi Menteri dengan cepat menjadi hartawan, mempunyai perusahaan-perusahaan yang besar. Parti-parti yang mendokong pemerintah semakin hidup mewah. Tidak begitu sahaja, tetapi dari sehari ke sehari pegawai-pegawai disusun dengan diam-diam supaya terletak ke dalam tangan Parti Nasional Indonesia, dan begitulah seterusnya memasuki daerah Aceh dan di dalam pimpinan pemimpin-pemimpin yang dari P.N.I. sebagai pegawai-pegawai itu, keadaan negeri bukannya semakin maju, baik di dalam ekonomi atau sosial, dalam taraf pendidikan dan perhubungan. Jalan raya semakin rosak, putera-puteri Aceh semakin sulit untuk menyambung sekolahnya keluar, terutamanya ke pusat daerah Sumatera di Medan. Dan orang-orang Aceh tegas dan nyata dianaktirikan di dalam berbagai-bagai lapangan.

Semuanya ini diaturkan dan disusun dengan sebegitu rupa oleh pemerintah pusat. Sebaliknya mereka menghidup-hidupkan roh dan semangat kebudayaan yang terbalik kepada asal, yakni ke-Hinduan di dalam hal ini dengan sendirinya perbuatan-perbuatan yang dilakukan itu melemahkan kedudukan Islam dan menjadikan pemimpin-pemimpin Aceh berkeyakinan dan percaya dengan seyakin-yakinnya, bahawa tidak ada lagi jalan untuk menegakkan negara Islam yang boleh ditempuh dan diharap di dalam sebuah negara yang kepala negaranya sendiri melakukan segala sesuatu dengan sesuka hatinya, dan tidak mengendahkan kesulitan hidup rakyat di daerah-daerah, yang menjadi punca penghasilan, bahkan pada suatu masa dalam kebangkitan revolusi Indonesia dahulu, telah menjadi punca perbelanjaan menegakkan negara Islam Indonesia yang diketuai oleh Tengku Muhammad Daud Beureueh sendiri.

Kerana dengan keyakinan yang sepenuhnya itulah maka pada 13 Muharram 1372, bersamaan 20 September 1953 atas nama umat Aceh dan sekitarnya, Tengku Muhammad Daud Beureueh, mengadakan pengisytiharan yang berbunyi demikian: “Berdasarkan pernyataan berdirinya negara Republik Islam Indonesia pada 12 Syawal 1398—7 Ogos 1949 oleh Imam S.M. Kartosuwiryo, atas nama umat Islam bangsa Indonesia, maka dengan ini kami menyatakan bahawa daerah Aceh dan sekitarnya menjadi bahagian daripada negara Islam Indonesia.”

Dengan pengisytiharan itu ertinya pada 20 September 1953 berdentumlah letusan yang pertama di Aceh untuk mengambil kekuasaan. Pada masa itu pemimpin-pemimpin Indonesia yang berketanggungan, yang telah mengetahui sedikit sebanyak retak-retak yang di daerah Aceh itu, meninggalkan daerah masing-masing, pergi ke Medan, kerana menghadiri Pekan Olahraga Nasional yang ketiga. Demikianlah setelah menghalusi dengan saksama akibat dan

tanggungjawab sebagai seorang umat Islam, yang yakin dengan seyakin-yakinnya, bahawa kalimah Allah tidak akan tegak di Indonesia dengan adanya pemimpin-pemimpin yang masih boleh menjalankan pengaruhnya, melainkan dengan memberikan pengorbanan darah untuk menegakkan cita-cita itu.

Setelah ini maka Sukarno mengisytiharkan, bahawa kalau Kahar Muzakkar, Tengku Daud Beureueh dan Kartosuwiryo tidak mahu kembali kepada masyarakat, maka “Meriam akan berbicara”. Kata-kata di sambut pula dengan kata-kata daripada Perdana Menteri Sastero Amijoyo yang tidak mahu menyiasat sebab musababnya kejadian itu dengan mendalam telah mengisytiharkan bahawa kekerasan harus dibalas dengan kekerasan. Maka terjadilah pertempuran-pertempuran yang hebat dan akibatnya rakyat jelata, rakyat biasa jadi saranan daripada siku-suku Batak dan suku Padang di dalam melaksanakan “Meriam berbicara” yang dikehendaki oleh Sukarno.

Apa yang terjadi di dalam kejadian-kejadian itu, orang-orang Masyumi di daerah-daerah lain, terutamanya di daerah Sumatera Selatan, banyak yang ditangkap dan dikurung, dan banyak pula di daerah lain—disebabkan bahawa Tengku Muhammad Daud Beureueh seorang ulama daripada Masyumi, pada hal segala langkah beliau menurut ijthad dan keyakinan sendiri, di dalam tanah tumpah darahnya sendiri. Setelah melihat keburukan, keaniyaan dan kezaliman dan perkosaan yang hebat terhadap anak-anak gadis Aceh oleh pegawai-pegawai yang dikirimkan dari Jawa, yang melakukan segala maksiat di hadapan umat Aceh yang cintakan agamanya dan yang sedia syahid, menumpahkan darahnya untuk kemuliaan dan ketinggian serta kehormatan agama.

Dengan kejadian-kejadian ini timbullah pertempuran di antara suku-suku bangsa di Indonesia dengan suku-suku bangsa di Aceh -- tentera dari Batak di hantar, dan terjadilah kekejaman yang lebih hebat dari apa yang di lakukan oleh fascist Jerman dan Jepun. Kita membaca di dalam buku-buku yang


dikeluarkan bagaimana perlakuan mereka itu terhadap orang-orang yang disyaki—dikumpulkan di suatu tempat kemudian ditelanjangi, disuruh di antara satu dengan lain memegang kemaluan masing-masing. Kita membaca bahawa tetek-tetek perempuan disudurkan dengan karen elektrik, kemaluan lelaki disudurkan dengan karen elektrik, kita membaca kejadian-kejadian yang hebat di dalam mana rumah-rumah orang kampung dibakar kemudian orang-orangnya di bawa ke atas bukit, lalu di suruh sujud kepada Tuhan, ditembaki beramai-ramai dengan *machine gun*-dengan tidak usul periksa dan inilah dia, inilah dia yang dikatakan “Meriam berbicara” dihadapkan kepada umat Aceh bangsa Indonesia sendiri. Kita melihat dan mendengar kejadian-kejadian yang hebat memperkosa gadis-gadis yang ditangkap, kita mendengar bahawa orang yang disyaki bersalah diikat, disiat dagingnya sebagai menyiat daging kerbau atau lembu yang bergantung di pasar-pasar. Sesungguhnya apa yang kita baca itu dibuktikan dan dinyatakan dengan tegas nama-nama dan kejadian-kejadian yang berlaku itu menunjukkan kekejaman dan kezaliman dilakukan lebih hebat daripada

yang pernah didengar tentang kezaliman fascist Jerman dan Jepun di dalam perang dunia kedua yang lalu. Kehebatan ini lebih-lebih lagi dalam mana bangsa Indonesia melakukan kezaliman dan kekejaman terhadap bangsa sendiri.

Inilah dia “Meriam berbicara” yang disampaikan oleh Presiden Sukarno kepada saudara-saudaranya yang telah pernah mengorbankan hartanya dan nyawanya dalam revolusi menghalau penjajah dan untuk menyampaikan satu cita-cita dalam perjuangan dari semenjak tahun 1945 dahulu bahawa di Indonesia mereka menghendaki negara Islam, negara yang dianut oleh Sukarno melakukan ibadatnya. Ibadat kepada Tuhan di dalam perayaan dan istiadat yang mana yang kita lihat ia sujud kepada Tuhan, tetapi rupanya sujudnya hanya menopengkan bahawa negara Islam tidak akan berdiri di Indonesia.

Apakan Presiden Sukarno akan dapat melaksanakan “Meriam berbicara” dalam keadaan yang sekarang ini. Inilah soal-soal yang bakal kita kupas di dalam keluaran yang akan datang.

--bersambung



“Menghormati pemimpin-pemimpin parti-parti politik yang lain dari PAS, jangan mengeluarkan apa-apa bidasan yang mungkin menimbulkan salah faham yang berkekalan. Kecuali terhadap pemimpin-pemimpin yang bersifat takbur, riak dan sebagainya”, demikian di antara sikap “PAS” atau Persatuan Islam se-Malaya dalam tugas pokoknya.

Gambar menunjukkan wakil-wakil seluruh cawangan “PAS” bergambar ramai setelas selesai berkongres baharu-baharu ini di Kuala Lumpur.